

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Debat Bahasa Arab Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Peringkat Kebangsaan Kali ke-7, yang diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, baru-baru ini.

Sekolah berkenaan yang bertindak sebagai kerajaan memperdebatkan usul 'Pengajaran Sejarah di Sekolah Menengah Menggalakkan' berjaya mengalahkan pasukan pembangkang iaitu SMKA Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail, Negeri Sembilan.

Timbalan Pengarah Penguurusan Institusi Pendidikan Agama, Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan, Wan Ramdzan Wan Mamat, berkata pertandingan debat itu ialah pentas terbaik untuk melatih keupayaan pelajar berfikir secara kritis dan analitis mengenai isu semasa.

"Pertandingan ini juga membolehkan pelajar menguasai dan berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan baik, sejajar dengan hasrat kementerian melalui program Tahfiz Model Ulul



SMKA Maahad Hamidiah juara debat.

SMKA Maahad Hamidiah juara debat

Albab yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Julai lalu," katanya.

Hadiah disampaikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah.

Dapat sambutan

Pasukan SMKA Maahad Hamidiah yang dibarisi

Aiman Arif Adnan, Jihad Muhammad Fuad, Anis Farhana Amran dan Nurul Basyirah Nurul Amali itu membawa pulang piala pusingan Naib Canselor USIM, wang tunai RM2,000, piala iringan dan sijil penghargaan.

Pertandingan Debat Bahasa Arab Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan ialah program kebitaraan bagi BPI yang dianjurkan

bersama-sama USIM sejak tahun 2008 dan sebanyak 46 buah sekolah menengah seluruh negara mengambil bahagian pada tahun ini, terdiri daripada SMKA, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Kelas Aliran Agama (KAA) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) terpilih.

Pertandingan yang bertujuan menyemarakkan penggunaan dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah itu memperlihatkan penyertaan peserta yang mempunyai teknik dan kualiti berdebat yang semakin baik dan cemerlang.

INFO

Pertandingan Debat Bahasa Arab Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Peringkat Kebangsaan Kali ke-7

© Johan:

SMKA Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor

Hadiah:

Piala pusingan Naib Canselor USIM, wang tunai RM2,000, piala iringan dan sijil penghargaan

© Naib Johan:

SMKA Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail, Negeri Sembilan

Hadiah:

Piala iringan sekolah dan pendebat, wang tunai RM1,000 dan sijil penghargaan.

Pendebat Terbaik Pertandingan Akhir: Anis farhana (SMKA Maahad Hamidiah)

Hadiah:

Wang tunai RM500.

Kategori Jemputan Nusantara

© Johan:

Pondok Modern Nusantara Darussalam Gontor Putri, Ngawi (Indonesia)

Hadiah:

Wang tunai RM2,000, trofi dan hadiah iringan.

© Naib Johan:

Kolej Islam Sultan Alam Shah (Malaysia)

Kategori Jemputan Nusantara yang mula diperkenalkan pada tahun 2012 menerima penyertaan daripada 13 sekolah antaranya KISAS (Malaysia); Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang, Sumatera Barat dan Pondok Modern Darussalam Gontor Putri (Indonesia); Madrasah Aljunied Al Islamiah dan Madrasah Alsagoff Al-Arabiah (Singapura); Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkhiah (Brunei) dan Chariyatham Suksa Foundation School, Songkhla (Thailand).